

25/11/1999

Diplomat boleh diusir: Azmi

KUALA LUMPUR, Rabu - Pegawai diplomatik asing di sini yang didapati memberi sokongan kewangan dan sokongan terbuka kepada parti pembangkang dan badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), boleh diusir dari negara ini.

Selain itu, protes terhadap negara terbabit akan dikemukakan apabila Barisan Nasional (BN) berjaya membentuk kerajaan selepas pilihan raya umum, kelak.

Sambil menyifatkan perbuatan itu sebagai kurang ajar, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid berkata ia juga dianggap mencampuri urusan politik sesebuah negara dan melanggar tata susila hubungan antara negara.

"Mereka sepatutnya bersikap berkecuali dengan tidak mencampuri urusan politik negara lain," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beberapa kedutaan dan suruhanjaya tinggi hari ini dilaporkan terbabit memberi bantuan kewangan dan sokongan terbuka kepada parti pembangkang dan NGO dalam kempen pilihan raya.

Selain bantuan kewangan, mereka juga dikatakan menyertai sidang akhbar, kempen politik dan tunjuk perasaan yang berkaitan dengan parti pembangkang.

Suruhanjaya tinggi yang dikenal pasti adalah Kanada, Britain, Australia dan kedutaan Amerika Syarikat.

Azmi berkata, jika terbukti memang ada wakil kedutaan terbabit berbuat demikian, mereka boleh diusir dan disenaraihitamkan dari memasuki Malaysia.

"Kita sedang cari bukti pembabitannya mereka, termasuk gambar kegiatan mereka di sini," katanya.

Beliau yang juga calon Parlimen Padang Besar, Perlis berkata, tindakan itu juga jelas menunjukkan negara Barat berusaha menjatuhkan kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan apa cara sekalipun.

Katanya, mereka sebenarnya sudah menghantar agen perisiknya ke negara ini secara senyap-senyap tetapi semakin berani apabila melakukannya secara terbuka.

"Dulu pun, mereka menyokong parti pembangkang, tetapi secara diam-diam sahaja dengan berselindung sebagai wakil kedutaan. Kini, tanpa segan silu mereka mula menunjukkan lagak mereka. Ini sudah kurang ajar.

"Kita juga percaya tindakan wakil terbabit adalah arahan dari pimpinan negara masing-masing," katanya.

Ditanya sama ada wakil kedutaan atau suruhanjaya tinggi diberi kelonggaran ketika memasuki negara ini berbanding individu asing dari pelbagai aspek termasuk kewangan, Azmi berkata: "Kita sentiasa memantau perbuatan mereka."

Beliau juga kecewa kerana pembangkang sanggup berbuat apa sahaja, termasuk bersetongkol dengan agen asing terbabit semata-mata mahukan kemenangan dalam pilihan raya.

Katanya, ini menggambarkan pembangkang dalam keadaan terdesak untuk menghadapi pilihan raya sehingga sanggup berbuat apa sahaja meskipun terpaksa mempertaruhkan kedaulatan tanah air.

"Inilah perbuatan pembangkang. Kerana mahukan kemenangan, mereka sanggup membawa masuk agen penghasut ke negara ini. Oleh itu, pengundi wajar menolak pakatan pembangkang demi kedaulatan negara," katanya.

(END)